

Imbas anak mata kesan dadah guna IVDD 2.0

AADK buat kajian enam bulan uji keberkesanan

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) menerima tajaan dua unit alat Penge- san Dadah Visual Segera 2.0 (IVDD 2.0) bernilai RM136,000, se- malam.

Alat sumbangan syarikat Nyla Sdn Bhd itu akan digunakan se- sebagai kajian projek rintis AADK bagi mengesan penyalahgunaan dadah menerusi imbasan anak mata.

Ketua Pengarah AADK, Datuk Seri Zulkifli Abdullah, berkata alat berkenaan akan diuji selama enam bulan terlebih dahulu bagi memastikan keberkesanan- nya sebelum memutuskan penggunaannya.

“Pihak AADK akan terbabit sama dalam menguji alat ini bagi mengenal pasti keberkesanan- nya dan diharapkan teknologi se- begini dapat memberikan hasil yang memuaskan.

“Ini seterusnya mewujudkan kaedah ujian pengesanan dadah yang kurang mengganggu (less intrusive),” katanya kepada pem-

Pihak AADK akan terbabit sama dalam menguji alat ini bagi mengenal pasti keberkesanan- nya dan diharapkan teknologi sebegini dapat memberikan hasil yang memuaskan.

Zulkifli Abdullah,
Ketua Pengarah AADK

berita pada majlis penyerahan dua alat IVDD 2.0 di sini, se- malam.

Zulkifli berkata, dua alat ber- kenaan akan terlebih dahulu di- gunakan oleh AADK Kuala Lum- pur dan Putrajaya dengan fokus penggunaan ketika menjalankan operasi bersepadu dadah di pusat hiburan, kawasan ‘hot spot’ dan sarang penagihan dadah serta se- kolah.

“Alat ini menjadi alternatif ke- pada ujian saringan air kencing yang biasa dijalankan untuk mengesan penyalahgunaan dadah ke atas individu yang disyaki se- belum ini.

“Cara ini lebih profesional, ce- pat dan bersih. Individu yang per-



Pengerusi Nyla Sdn Bhd, Ahmad Kushairy Abd Ghani (dua dari kanan) menyerahkan dua unit alat pengesan dadah IVDD 2.0 kepada Pengarah AADK Wilayah Persekutuan, Md Razif Wan sambil diperhatikan Zulkifli (dua dari kiri) pada majlis penyerahan peralatan berkenaan di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias /BH)



Kakitangan syarikat Nyla Sdn Bhd (gambar kanan) menunjukkan penggunaan IVDD 2.0 di Kuala Lumpur, semalam.

lu menjalani saringan juga akan berasa lebih selesa dan lebih mudah menerima,” katanya.

Zulkifli berkata, tempoh dua minit diperlukan untuk alat ber- kenaan menghasilkan data hasil daripada imbasan anak mata dan ia akan disimpan dalam sis-

tem AADK.

Dalam pada itu katanya, pihak- nya berharap lebih banyak sya- rikat swasta atau badan korporat dapat memainkan peranan ber- sama-sama dengan lebih giat te- rutama dalam menangani masa- lah dadah.

Katanya, syarikat swasta atau badan korporat dilihat mempun- yai keupayaan, kemahiran dan sumber kepakaran teknologi yang boleh diguna pakai untuk melak- sanakan pelbagai inisiatif bagi membantu menangani masalah dadah.